

<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan

BIL: 47/2022



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Safar - Rabi'ulhawal 1444 / September 2022

Hilangnya Sifat Amanah Antara Petanda Dunia Akhir Zaman

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Majlis *Hi Tea* Ramah Tamah

Oleh:

Suhaila Sharil

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Nurul Najihah Nor Mohamed

Ahli Jawatankuasa IKRAM Rembau

31 JULAI 2022, Majlis Hi Tea Ramah Tamah telah diadakan di Dewan Tepak, Restoran Ikan Bakar Sungai Rembau anjuran NGO IKRAM Kawasan Rembau. Majlis ini telah dihadiri oleh 65 orang yang terdiri daripada Ahli Teras dan Ahli Aktif IKRAM Rembau serta *Rabtul Am*. Ahli-ahli *Rabtul Am* tersebut telah menghadiri pelbagai program yang dianjurkan oleh IKRAM contohnya Program Kesejahteraan Mental dan Spiritual, Jelebu dan Konichiwa Volunteerisme. Salah seorang yang banyak menyokong dan mendukung serta menyertai program seperti Kesejahteraan Mental dan Spiritual dan *Suri Fit and Fun* adalah Prof. Madya Dr. Masitah Ahmad yang merupakan Prof. Madya di Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Selain itu, terdapat juga ahli IKRAM yang berpindah ke Negeri Sembilan dan *Rabtul Am* yang turut bersama menjayakan Majlis Hi Tea Ramah Tamah IKRAM Rembau. Apa yang menakjubkan pendaftaran hanyalah seramai 51 orang sahaja namun jumlah yang hadir adalah lebih ramai daripada yang disangka. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada penganjur.

Antara objektif Majlis Hi Tea Ramah Tamah IKRAM Rembau ialah:

1. Memperkenalkan IKRAM Kawasan Rembau
2. Memberi penerangan kepada ahli untuk membantu Jawatankuasa IKRAM Rembau
3. Mengeratkan silaturahim sesama ahli dan ahli baru IKRAM Rembau

Majlis dimulakan pada jam 3.20 Petang dengan serangkap pantun oleh pengerusi majlis iaitu Muhammad Amir Safwan bin Azmani dan diikuti dengan bacaan doa pembuka majlis oleh Mursyid Haqeemi bin Mohd Yunus. Selesai bacaan doa tersebut, majlis diserikan dengan ucapan aluan oleh Yang Dipertua IKRAM Rembau iaitu Tuan Haji Mohamad Zaki bin Muda yang sentiasa muda dan ceria orangnya. Beliau merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir ke Majlis Hi Tea Ramah Tamah IKRAM Rembau. Selain itu, beliau juga menerangkan mengenai visi dan misi IKRAM serta tujuan IKRAM Rembau ditubuhkan. Beliau mengajak kepada semua yang hadir untuk turut sama membantu jawatankuasa IKRAM Rembau untuk menyantuni masyarakat di sekitar Rembau dalam aktiviti dakwah dan kebajikan.

Majlis *Hi Tea* Ramah Tamah IKRAM Rembau juga turut diserikan dengan tayangan montaj aktiviti IKRAM Rembau bagi tahun 2021 hingga tahun 2022 yang ditayangkan oleh Jawatankuasa Teknikal Encik Uwais Al-Qarani Azland Zulfizzazuddin. Montaj aktiviti IKRAM Rembau tersebut telah dihasilkan dengan jayanya oleh Puan Fazilah Mohd Reba iaitu Ahli Jawatankuasa Media IKRAM Rembau. Selepas itu, majlis diteruskan dengan pembentangan carta organisasi IKRAM Rembau oleh Puan Suhaila Sharil.

Acara yang ditunggu telah tiba iaitu aktiviti *taaruf* yang dikendalikan oleh Cikgu Nurul Najihah Nor Mohamed yang merupakan Ahli Jawatankuasa Lokaliti Tumpu Kundur IKRAM Rembau merangkap guru Sekolah Kebangsaan Batang Melaka. Apa yang menarik, golongan berumur 60-an juga turut sama memeriahkan aktiviti ini dan turut menceriakan suasana dengan mencari kumpulan mengikut warna kegemaran dan bulan kelahiran. Dewan Tepak Restoran Ikan Bakar Sungai Rembau tersebut bergema dengan suara-suara peserta yang mencari kumpulan-kumpulan mereka. Cikgu Nurul Najihah juga mengambil secara rawak ahli di dalam kumpulan kecil untuk memperkenalkan semua ahli di dalam kumpulan mereka bagi menguji kekuatan ingatan dan tempoh perkenalan mereka. Antara peserta yang diminta untuk memperkenalkan ahli dalam kumpulan ialah Cik Siti Nur Fadzilah Abdullah, Haji Abdul Halim Yusoff dan Muhammad Faiz Bin Hairunnizam. Tahniah kepada ahli yang telah berjaya menghafal semua biodata ahli kumpulan dalam tempoh masa yang singkat. Semoga aktiviti *taaruf* tersebut dapat merapatkan ukhwah antara sesama ahli.



Selesai acara *taaruf* tersebut, majlis ditutup dengan sesi fotografi di hadapan Dewan Tepak dan jamuan makan. Antara menu yang disajikan dalam Pakej Hi Tea adalah Sate Ayam dan Sate Daging, kuetiau goreng dan mi goreng, bubur pulut hitam, sandwich telur dan tuna, buah tembikai, popia goreng serta teh O panas dan air kordial. Semua yang hadir juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Haji Misri Bin Dollah Kanan di atas sumbangannya memberi cenderahati sebanyak 60 botol madu kelulut yang mempunyai 3 jenis iaitu Itama, Apicalis dan Thorasica sebagai buah tangan untuk dibawa pulang ke rumah.

Jawatankuasa IKRAM Rembau mengucapkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir menjayakan Majlis *Hi Tea* Ramah Tamah IKRAM Rembau. Ahli IKRAM Rembau dan peserta yang hadir juga mendapat sijil atas talian selepas mengisi borang maklumbalas yang telah dipaparkan di dalam pembentangan program. Ucapan Syabas dan tahniah juga ditujukan kepada Pengarah Program iaitu Ustazah Rohaida binti Awang Nik dan jawatankuasanya di atas sumbangan tenaga dan masa.

Semoga semua ahli IKRAM Rembau dapat membantu bekerjasama dan turun ke medan untuk menyantuni masyarakat di sekitar Rembau khususnya. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada Pengurusan Dewan Tepak Restoran Ikan Bakar Sungai Rembau yang sudi menjadi tuan rumah bagi Majlis *Hi Tea* Ramah Tamah IKRAM Rembau. Didoakan juga kepada Puan Wan Afifah binti Wan Adnan Ahli Teras IKRAM Rembau diberikan kesembuhan selepas membuat pembedahan lutut di KPJ Seremban Specialist Hospital.

#Ukhwah Teras Kegemilangan